

**Menteri MCA terajui 4 negeri Pakatan  
Malaysiakini.com  
Apr 25, 2008**

MCA hari ini mengumumkan rombakan dalam barisan kepimpinan negeri dengan melantik tiga orang menteri dan seorang timbalan untuk menerajui Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Kedah - empat negeri yang diperintah Pakatan Rakyat.

Menteri pengangkutan Datuk Ong Tee Keat manakala menteri pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat Datuk Ng Yen Yen dilantik menerajui Kelantan.

Ong menggantikan Ch'ng Toh Eng manakala Ng menggantikan bendahari MCA, Lau Yin Pin.

Kali ini buat pertama kali Ong dan Ng diberikan kepercayaan menerajui kepimpinan MCA negeri.

Timbalan menteri dalam negeri Datuk Chor Chee Heung akan mengetuai Kedah, mengambil alih daripada Datuk Beh Heng Siong.

Di Pulau Pinang pula, menteri kesihatan Datuk Liow Tiong Lai mengambil alih tugas menerajui MCA negeri itu daripada timbalan presiden Datuk Chan Kong Choy.

Pelantikan mereka diumumkan parti itu dalam satu kenyataan hari ini.

Ong pula merupakan wakil rakyat tunggal daripada MCA yang menang kerusi parlimen di Selangor. Parti itu juga menang dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81927>